

TERMA DAN SYARAT CABUTAN BERTUAH SEDEKAD FESTIRA – BELI, IMBAS & MENANG 2024

PENGANJUR

PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC)

PENAJA

MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) & Payment Network Malaysia (PayNet)

KEMPEN

Cabutan Bertuah Sedekad FESTIRA - “Beli, Imbas dan Menang 2024”

KELAYAKAN PENYERTAAN

Cabutan ini terbuka kepada pengunjung di mana-mana lokasi penganjuran Sedekad FESTIRA iaitu di **Kompleks PKNS Shah Alam, SACC Mall Shah Alam, Kompleks PKNS Bangi, Plaza Alam Sentral Shah Alam dan SACC Walk Shah Alam**. Penyertaan mestilah berumur 18 tahun dan ke atas semasa tarikh kempen bermula. Antara yang tidak layak untuk menyertai promosi ini adalah;

- Pekerja dari kalangan kumpulan pihak penganjur, penaja dan keluarga terdekat (pasangan, anak, ibu dan ayah, adik beradik dan pasangannya)
- Pekerja dari kalangan anak syarikat pihak penganjur, penaja dan keluarga terdekat (pasangan, anak, ibu dan ayah, adik beradik dan pasangannya)

CARA PENYERTAAN

1. Belanja minimum RM50.00 (dalam satu resit atau lebih) di mana-mana lokasi penganjuran Sedekad FESTIRA dan bayar dengan cara imbas kod DuitNow QR.
2. Tangkap layar paparan resit pembayaran kod DuitNow QR di telefon bimbit.
3. Imbas kod QR penyertaan yang disediakan.
4. Lengkapkan penyertaan dengan mengisi butiran peribadi dan muat naik gambar resit pembelian. Kemudian hantar penyertaan.

TARIKH AKHIR PENYERTAAN

Semua penyertaan perlu dihantar pada **sebelum 10 April 2024**.

PENGESAHAN PENYERTAAN

- Tangkap layar paparan resit pembayaran mestilah di muat naik di dalam borang penyertaan (Google Link Form).

PEMILIHAN PEMENANG

Cabutan dan pemilihan pemenang adalah adalah muktamad.

HADIAH

- Penganjur akan memberikan hadiah keseluruhan bernilai RM30,000.
- Penganjur berhak untuk menukar hadiah/jumlah hadiah tanpa sebarang notis pemberitahuan.

PENGUMUMAN PEMENANG

- Penganjur akan memilih senarai pemenang setelah dua (2) minggu kempen berakhir.
- Pengumuman pemenang dan penyampaian hadiah akan dilakukan setelah dua (2) minggu pemilihan pemenang dijalankan atau ke satu tarikh yang akan dimaklumkan.
- Penganjur akan mengumumkan para pemenang melalui laman sosial PKNS Real Estate (Facebook & Instagram) dan / atau
- Pemenang akan menerima panggilan daripada penganjur untuk datang mengambil hadiah dan / atau
- Pemenang perlu hadir semasa cabutan diadakan. tarikh dan butiran cabutan akan dimaklumkan di dalam laman sosial PKNS Real Estate (Facebook dan Instagram)

PENAFIAN

Dengan mengemukakan maklumat peribadi untuk promosi, pihak penganjur berpendapat bahawa kebenaran diberikan kepada pihak penganjur dan / atau ejennya untuk menggunakan maklumat ini untuk tujuan pemasaran dan promosi masa kini dan masa hadapan. Persetujuan turut digunakan oleh penganjur seperti data peribadi peserta termasuk foto sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan / atau publisiti, tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada peserta, dan para peserta tidak berhak untuk menuntut pemilikan data atau bentuk pampasan lain untuk kegunaan sedemikian.